

2026 Trial Sejarah T5 Bab 7

Total questions: 30

Worksheet time: 45mins

Instructor name: Mr. Azhari Mohamed

Name Class Date 1. 2026 Trial Selangor (set 1)

Bagaimanakah penggubalan Akta Pendidikan 1996 dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu?

- | | |
|---|---|
| a) Penekanan aktiviti kokurikulum | b) Pengenalan sekolah aneka jurusan |
| c) Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat | d) Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar |

2.

2026 Trial Selangor (set 1)

Gambar berikut menunjukkan logo Sukan Malaysia (SUKMA) 2026.

Apakah tujuan sukan tersebut diadakan?

- I. Memajukan industri pelancongan
- II. Mengeratkan integrasi antara negeri
- III. Memperkukuhkan perpaduan rakyat
- IV. Mengimbangi ekonomi antara kaum

- | | |
|---------------|---------------|
| a) I dan II | b) I dan IV |
| c) II dan III | d) III dan IV |

3. 2026 Trial Selangor (set 2)

Semasa penjajahan British di Tanah Melayu, hubungan antara kaum menjadi sukar.

Apakah faktor yang menyebabkan keadaan tersebut berlaku?

- | | |
|------------------------------|---------------------------------|
| a) Rusuhan antara kaum | b) Dasar pembangunan bandar |
| c) Kekurangan kemudahan asas | d) Pengasingan kegiatan ekonomi |

4.

Syed Syukur : Cikgu Azhari, apakah perkara yang sepatutnya dilakukan jika kita menjunjung setiap prinsip Rukun Negara?
 Cikgu Azhari : Ya Syed Syukur, Kita perlu sentiasa menghormati institusi raja dan simbol negara.

2026 Trial Selangor (set 2)

Dialog berikut berlaku antara guru dan murid berkaitan kesan pengamalan prinsip Rukun Negara. Berdasarkan dialog di atas, apakah prinsip Rukun Negara yang dikaitkan dengan dialog tersebut?

- a) Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- b) Kedaulatan Undang-undang
- c) Kesopanan dan Kesusilaan
- d) Keluhuran Perlembagaan

5. 2026 Trial Sejarah Johor (Set 1)

Apakah penambahbaikan dalam Laporan Rahman Talib yang dilaksanakan melalui Kajian Aminuddin Baki?

- a) Melahirkan tenaga mahir
- b) Menekankan mata pelajaran Sejarah
- c) Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat
- d) Mengurangkan kadar buta huruf

6.



2026 Trial Sejarah Johor (Set 1)

Gambar berikut menunjukkan logo rasmi Sukan Malaysia (SUKMA) yang dianjurkan buat pertama kali di Kuala Lumpur pada tahun 1986.

Mengapakah sukan tersebut diadakan?

- a) Meningkatkan industri pelancongan
- b) Memajukan ekonomi negara
- c) Memperkasa kebudayaan nasional
- d) Mewujudkan integrasi antara negeri

7. 2026 Trial SMKA

Manakah antara berikut merupakan prinsip utama pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

- | | |
|---|---|
| a) Perpaduan kaum melalui kebudayaan | b) Memupuk dan memelihara kebudayaan kebangsaan |
| c) Kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang | d) Semua kaum mengekalkan identiti sebagai warganegara Malaysia |

8.

2026 Trial SMKA

Maklumat berikut berkaitan slogan yang digunakan untuk kempen Malaysia menjadi tuan rumah dalam satu kejohanan sukan pada tahun 1992.

Apakah kejohanan sukan tersebut?

- | | |
|--------------|---------------|
| a) Hoki | b) Skuasy |
| c) Badminton | d) Bola Sepak |

9. 2026 Trial Negeri Sembilan

Pembinaan negara Malaysia berasaskan perpaduan kaum dan integrasi nasional.

Apakah maksud integrasi nasional?

- | | |
|--|--|
| a) Rakyat membangunkan ekonomi negara | b) Perkongsian kuasa yang adil mengikut kaum |
| c) Masyarakat pelbagai kaum hidup bersatu padu | d) Proses merapatkan hubungan masyarakat antara negeri |

10. 2026 Trial Negeri Sembilan

Antara berikut, manakah prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

- I. Islam menjadi unsur yang penting
- II. Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu
- III. Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan
- IV. Keutamaan diberi kepada kedaulatan raja

- | | |
|---------------|---------------|
| a) I dan II | b) I dan IV |
| c) II dan III | d) III dan IV |

11. 2026 Trial Melaka

Mengapakah Dasar Pendidikan Kebangsaan dibentuk?

- a) Mengekalkan sekolah vernakular
- b) Memupuk perpaduan kaum
- c) Menghalang pengaruh barat
- d) Mengekalkan identiti bangsa

12. 2026 Trial Melaka

Apakah peristiwa yang mendorong kerajaan untuk membentuk Rukun Negara?

- a) Rusuhan kaum
- b) Ancaman komunis
- c) Pemisahan Singapura
- d) Konfrontasi Indonesia

13. 2026 Trial SABK

Bagaimanakah kerajaan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum?

- a) Mengutamakan sentimen perkauman
- b) Menggalakkan penglibatan dalam sukan
- c) Meningkatkan tahap keselamatan negara
- d) Mewujudkan pembangunan ekonomi sahaja

14. 2026 Trial SABK

Matlamat pembentukan Rukun Negara adalah melahirkan masyarakat yang liberal. Apakah ciri-ciri masyarakat tersebut?

- a) Bebas mengamalkan adat resam
- b) Undang-undang negara dipatuhi
- c) Penciptaan inovasi dan produk
- d) Menjamin gaya hidup bebas

15. 2026 Trial Kuala Lumpur

Mengapakah kerajaan menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 18 Mei 1970?

- a) Memartabatkan Bahasa Melayu
- b) Memperkukuh integrasi nasional
- c) Memupuk jati diri rakyat Malaysia
- d) Mempelbagaikan institusi keilmuan

16. 2026 Trial Kuala Lumpur

Apakah tujuan pengisytiharan Rukun Negara pada 31 Ogos 1970?

- a) Membangunkan modal insan
- b) Mengukuhkan perpaduan rakyat
- c) Meningkatkan kemajuan ekonomi
- d) Memupuk semangat juang rakyat

17.



2026 Trial Terengganu

Gambar berikut merujuk perkhidmatan Feri Malaysia diperkenalkan pada 31 Ogos 1986.

Mengapakah perkhidmatan tersebut diperkenalkan?

- | | |
|----------------------------------|-----------------------------------|
| a) Menggunakan teknologi pintar | b) Mengimbangi pembangunan negeri |
| c) Merapatkan integrasi penduduk | d) Menarik pelaburan luar |

18. 2026 Trial Terengganu

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang ditubuhkan pada 22 Jun 1956.

Bagaimanakah DBP berperanan dalam mengembangkan bahasa dan sastera Melayu?

- | | |
|-------------------------------|-------------------------------|
| a) Menganjurkan seminar | b) Melahirkan penggiat budaya |
| c) Menjadi pusat penyelidikan | d) Menyeragamkan pendidikan |

19. 2026 Trial Pahang

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan pada 22 Jun 1956.

Apakah matlamat penubuhannya?

- | | |
|------------------------------------|-----------------------------------|
| a) Memartabatkan bahasa kebangsaan | b) Meningkatkan kadar celik huruf |
| c) Memupuk minat membaca | d) Melahirkan penulis muda |

20. 2026 Trial Pahang

Maklumat berikut berkaitan matlamat Rukun Negara.

"Masyarakat Adil"

Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai?

- I. Mempunyai peluang yang sama
- II. Mencipta satu bangsa yang bersatu
- III. Mengamalkan kebudayaan yang sesuai
- IV. Membantu pihak yang lemah

- | | |
|---------------|---------------|
| a) I dan II | b) I dan IV |
| c) II dan III | d) III dan IV |

21. 2026 Trial Kedah

Maklumat berikut berkaitan dasar pembangunan sosial negara.

- **Dasar Pendidikan Kebangsaan**
- **Dasar Kebudayaan Kebangsaan**
- **Dasar Bahasa Kebangsaan**

Mengapakah dasar-dasar tersebut dilaksanakan?

- | | |
|----------------------------------|--|
| a) Mewujudkan perpaduan kaum | b) Meningkatkan taraf hidup rakyat |
| c) Menjamin kecemerlangan negara | d) Mempertingkatkan sahsiah masyarakat |

22. 2026 Trial Kedah

Mengapakah Rukun Negara dibentuk?

- I. Mengekalkan keadilan
- II. Menyatukan rakyat
- III. Menanamkan taat setia
- IV. Menjamin kebebasan bersuara

- | | |
|---------------|---------------|
| a) I dan II | b) I dan IV |
| c) II dan III | d) III dan IV |

23.

2026 Trial Kelantan

Apakah matlamat kerajaan memperkenalkan dasar pendidikan berikut di negara kita?

- | | |
|----------------------------------|--------------------------------|
| a) Membina sikap individualistik | b) Memupuk perpaduan kaum |
| c) Melahirkan asimilasi bangsa | d) Mewujud semangat kenegerian |

24.



2026 Trial Kelantan

Gambar berikut merupakan detik bersejarah pasukan negara setelah menjulang Piala Thomas 1992.

Laungan semangat dan slogan "*Malaysia Boleh*" membuktikan rakyat Malaysia

- | | |
|-----------------|-------------------|
| a) Bersatu padu | b) Mencintai diri |
| c) Berwaspada | d) Materialistik |

25. 2026 Trial Sarawak

Bagaimanakah kedudukan bahasa kebangsaan diperkukuhkan dalam Akta Pendidikan 1996?

- I. Diiktiraf sebagai bahasa pengantar di sekolah
- II. Mata pelajaran wajib di semua institusi pengajian
- III. Kurikulum sekolah KBSR dan KBSM dilaksanakan
- IV. Program pendidikan bersepadu dilaksanakan

- | | |
|---------------|---------------|
| a) I dan II | b) I dan IV |
| c) II dan III | d) III dan IV |

26. 2026 Trial Sarawak

Penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) telah diadakan secara bergilir-gilir.

Apakah kesan daripada penganjuran sukan tersebut?

- | | |
|--|---|
| a) Menarik pelancong asing | b) Menggalakkan integrasi antara negeri |
| c) Mendapat pengiktirafan banyak pihak | d) Meningkatkan nama dan imej negara |

27. 2026 Trial SBP

Konsep negara bangsa Malaysia diperkukuhkan melalui

- I. asimilasi bangsa
- II. perpaduan kaum
- III. integrasi nasional
- IV. penyatuan agama

- | | |
|---------------|---------------|
| a) I dan II | b) I dan IV |
| c) II dan III | d) III dan IV |

28. 2026 Trial SBP

Maklumat berikut berkaitan dengan matlamat Rukun Negara.

'Melahirkan masyarakat yang progresif'

Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dilaksanakan?

- a) Membentuk masyarakat bersatu padu
- b) Memelihara cara hidup demokratik
- c) Mewujudkan peluang yang sama
- d) Meneroka sains dan teknologi

29. 2026 Trial Pulau Pinang

Apakah yang mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan pada tahun 1967?

- a) Penubuhan Universiti Malaya
- b) Pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan
- c) Pembinaan sekolah teknik dan vokasional
- d) Penggunaan bahasa Melayu dalam perniagaan

30.

2026 Trial Pulau Pinang

Slogan tersebut telah dilancarkan pada tahun 1960.

Apakah kepentingan slogan tersebut?

- a) Mengukuhkan semangat bahasa kenegerian
- b) Mengukuhkan taat setia kepada raja dan negara
- c) Mengukuhkan negara bangsa yang berjiwa patriotik
- d) Mengukuhkan pembinaan masyarakat bersatu padu